

Headline	McDonals new menu (Menü baru McDonald's)		
Date	29. May 2007	Language	MALAY
Media Title	Harian Metro	Page No	12
Section	Variasi	Article Size	301 cm2
Circulation	172903	Frequency	Daily
Readership	605160	Color	Full Color



Menu baru McDonald's

MCDONALD'S, rangkaian perkhidmatan makanan yang terkenal dengan lebih 30,000 restoran di seluruh dunia memperkenalkan menu terbaru, 'Sarapan Pagi McDonald's' bagi memberi kelainan kepada cita rasa pelanggan di negara ini.

Pengurus Besar McDonald's Malaysia, Stephen Chew, berkata kemudahan sarapan pagi yang ditawarkan itu sangat mudah dan relevan dengan cara hidup masyarakat masa kini.

Beliau berkata, produk McDonald's yang berasaskan telur seperti Big Breakfast dan McEgg Muffin menggunakan telur berkualiti, segar dari ladang dan rendah kolestrol.

"Kepingan ayam yang menyelerakan dihidangkan bersama sarapan pagi McDonald's dalam rangkaian hidangan Sausage McMuffin dan Big Breakfast.

"Kepingan ayam itu diperbuat daripada isi daging ayam yang

pejal tanpa tulang dan dijamin halal.

"Kepingan ayam ini dibekalkan pembekal McDonald's mengikut piawaian penyediaan dan keselamatan makanan yang ketat selain mematuhi peraturan pemeriksaan veteriner," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, Hash Browns McDonald's diperbuat daripada ubi kentang segar yang ditanam dari ladang terpilih seluruh dunia.

"McDonald's hanya menggunakan bahan berkualiti tinggi mengikut piawaian yang ketat dalam semua produk makanan yang dihidangkan kepada pelanggan," katanya.


"Kami menyediakan pengalaman sarapan pagi yang serba mudah dan cepat bagi membolehkan anda menikmati hidangan makanan paling penting dalam hari anda bersama keluarga," katanya.

Menu sarapan pagi itu ditawarkan di 115 restoran

McDonald's seluruh negara dan boleh didapati seawal jam 4 pagi hingga 11 pagi setiap hari di restoran McDonald's 24 jam.

Selain makan di restoran, pelanggan juga boleh menikmati hidangan sarapan pagi McDonald's melalui perkhidmatan penghantaran di talian 1300-13-1300 atau menggunakan perkhidmatan pandu lalu di restoran McDonald's terpilih.

Headline **McDonals new menu (Menü baru McDonald's)**
Date **29. May 2007**
Media Title **Harian Metro**



BERKHASIAMAT...Sausage McMuffin boleh didapati di restoran McDonald's.